

---

---

## Merchantrade Insure

---

---

### **NOTIS PENTING**

Polisi ini merupakan Polisi Hayat – Merchantrade Insure kami. Sila baca Polisi ini dengan teliti bersama Jadual Manfaat untuk memastikan anda memahami terma dan syarat dan Perlindungan yang Anda perlukan disediakan. Jika Anda mempunyai apa-apa soalan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi penasihat insurans Anda atau MCIS Insurance Berhad. Jika terdapat apa-apa perubahan dalam keadaan Anda yang mungkin mempengaruhi insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada Kami dengan serta-merta, jika tidak Anda mungkin tidak mendapat manfaat penuh Polisi ini.

Jika, atas apa jua sebab, Anda tidak puas hati dengan perkhidmatan yang Anda terima daripada Kami, Anda boleh mengambil langkah-langkah berikut:-

1. Pertama sekali, Anda boleh menulis surat kepada Jabatan Perkhidmatan Pelanggan di alamat semasa Kami. Selain daripada itu, Anda boleh menghantar e-mel kepada Kami di: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)
2. Jika Anda masih tidak berpuas hati dengan cara sebarang isu dikendalikan, Anda boleh:
  - (a) merujuk perkara berkaitan tuntutan kepada:  
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan - Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel: (603) 2272 2811 Faks: (603) 2272 1577
  - (b) mengemukakan aduan / maklum balas Anda ke Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia; atau telefon BNMTLELINK di 1-300-88-5465; atau faks ke 03-2174 1515; atau e-mel [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my); atau hantar surat ke Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur

---

Polisi ini dikeluarkan sebagai pertimbangan bagi pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan menurut jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Anda (atau apabila Anda memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang Anda buat antara masa penghantaran Cadangan Anda (atau apabila Anda memohon untuk insurans ini) dan masa kontrak ini dibuat. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang Anda berikan hendaklah membentuk sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan Kami. Bagaimanapun, sekiranya berlaku salah nyata prakontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau dalam sebarang pendedahan yang Anda berikan, remedi untuk Anda seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini mewakili terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami. Kami berhak untuk meminda terma dan syarat Polisi ini dengan memberi Anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Kami akan menentukan kaedah komunikasi yang kami anggap wajar.

### **Manfaat 1 – Manfaat Kematian Asas (Perlindungan Sedunia)**

Apabila berlaku Kematian Hayat Diinsuranskan semasa Polisi ini masih berkuat kuasa, Kami akan membayar Manfaat Kematian seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

### **Manfaat 2 – Manfaat Kematian Tambahan akibat Penyakit Khusus (Perlindungan Sedunia)**

Jika kematian Hayat Diinsuranskan disebabkan oleh demam Denggi, demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Influenza Burung atau virus Zika, Kami akan membayar selain daripada Manfaat Kematian Asas sebagai tambahan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

---

### **DEFINISI POLISI AM**

Mana-mana perkataan atau pernyataan yang mempunyai maksud khusus, hendaklah membawa maksud yang diberikan kepada perkataan atau pernyataan yang ditemui di dalam Polisi dan/atau Jadual Manfaat.

#### **ISTILAH**

- 1. Pentadbir**
- 2. Perlindungan / Liputan**
- 3. Tempoh Tangguh**
- 4. Tempoh Insurans**

#### **MAKSUD**

- merujuk kepada Merchantrade Asia Sdn Bhd ("Merchantrade")
- bermaksud sejauh mana perlindungan insurans diberikan oleh Polisi ini.
- bermaksud tempoh masa tambahan dar tarikh kena bayar dimana bayaran boleh dilakukan tanpa dikenakan denda sambil mengekalkan penguatkuasaan polisi
- bermaksud tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Kontrak Polisi

<b>5. Polisi</b>	Dokumen ini dianggap sebagai polisi.
<b>6. Premium</b>	bermaksud jumlah bayaran khusus yang diperlukan secara berkala oleh Kami untuk memberikan Perlindungan di bawah Polisi ini bagi Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.
<b>7. Jadual Manfaat</b>	bermaksud senarai Manfaat dan Jumlah Diinsuranskan.
<b>8. Jumlah Diinsuranskan</b>	bermaksud jumlah yang ditetapkan bagi setiap Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang merupakan jumlah maksimum yang Kami bayar sekiranya timbul tuntutan.
<b>9. Perbuatan Menyalahi Undang-undang</b>	merujuk kepada sebarang perbuatan yang merupakan kesalahan atau yang dilarang di bawah undang-undang atau peraturan kawasan geografi di mana perbuatan tersebut dilakukan. Perbuatan menyalahi undang-undang tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada memandu kenderaan bermotor tanpa lesen memandu sah, melebihi sebarang had kelajuan yang ditetapkan, memandu semasa berada di bawah pengaruh alkohol dan umumnya sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Perbuatan menyalahi undang-undang juga termasuk sebarang penyertaan dalam atau bertindak sebagai peserta dalam apa-apa jenayah atau percubaan melakukan jenayah atau kesalahan.
<b>10. Kami</b>	bermaksud MCIS Insurance Berhad.
<b>11. Anda/Pihak Diinsuranskan/ Pemegang Polisi</b>	bermaksud orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi di dalam Jadual Polisi dan yang menerima Perlindungan menurut Polisi ini yang dikeluarkan kepadanya.

---

#### **APAKAH YANG TIDAK DILINDUNGI (Pengecualian ini dikenakan sepanjang Polisi Anda)**

1. Sebarang Perbuatan Menyalahi Undang-Undang atau pendedahan sengaja kepada bahaya (selain daripada percubaan menyelamatkan nyawa manusia), kecederaan disengajakan, bunuh diri, percubaan bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
2. Peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau sebarang tindakan melakukannya, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pelaksanaan kuasa tentera atau rampasan kuasa.
3. Rusuhan dan kekacauan awam di mana Anda memainkan peranan aktif di dalamnya.

---

#### **SYARAT-SYARAT AM**

##### **1. Syarat-syarat Sebelum Liabiliti Diterima**

Pematuhan dan pelaksanaan terma dan syarat dan Pengendorsan Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam Cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat sebelum sebarang liabiliti diterima oleh Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi.

##### **2. Salah Nyata Umur**

Polisi ini dikeluarkan pada umur yang ditunjukkan di dalam Jadual Polisi yang merupakan umur Hayat Diinsuranskan pada hari jadi sebelumnya. Jika umur atau jantina disalah nyata di dalam Borang Cadangan, jumlah perlu dibayar dan semua manfaat yang terakru di bawah Polisi akan dilaraskan mengikut umur dan jantina yang betul. Jika Hayat Diinsuranskan tidak layak untuk insurans pada umur yang betul, Syarikat akan membayar balik premium yang telah dibayar bagi Polisi ini kepada Anda. Bukti Umur Hayat Diinsuranskan diperlukan sebelum pembayaran sebarang manfaat di bawah Polisi ini.

##### **3. Kaedah Pembayaran Premium**

Kemudahan berikut disediakan untuk pembayaran premium

- i. Bayaran tunai di cawangan Merchantrade
- ii. Debit terus daripada e-dompot Merchantrade
- iii. Kad Debit Master/Visa
- iv. Potongan Baki Masa Udara Mudah Alih
- v. Baucar Perlindungan Tenang

##### **4. Kewajipan bagi Pembayaran Premium**

Pembayaran - Premium hendaklah dibayar pada atau sebelum tarikh kena bayar. Kegagalan untuk membayar premium pada atau sebelum tarikh kena bayar akan menyebabkan penamatan polisi.

##### **5. Penama**

Polisi ini mempunyai peruntukan untuk Anda mencalonkan penama(-penama) untuk menerima wang polisi semasa permohonan insurans hayat atau selepas Polisi dikeluarkan. Borang yang berkaitan akan dihantar kepada Anda atas permintaan.

##### **6. Penipuan**

Anda tidak boleh melakukan penipuan. Jika Anda, atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, membuat tuntutan di bawah Polisi dengan

pengetahuan bahawa tuntutan tersebut palsu atau sengaja dibesarkan apa jua cara atau jika sebarang Kerugian disebabkan oleh perbuatan sengaja Anda atau dengan kerjasama Anda, Kami tidak akan membayar tuntutan dan semua Perlindungan di bawah Polisi akan dibatalkan.

#### 7. Pembatalan

Kami boleh membatalkan Polisi dengan menghantar notis 7 hari melalui surat berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda yang diketahui dan Kami akan memulangkan mana-mana bahagian Premium yang bersekadar dengan Tempoh Insurans Belum Luput dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi notis secara bertulis kepada *Merchantrade* tetapi adalah dimaklumkan bahawa produk ini tiada nilai penyerahan.

#### 8. Pembayaran Manfaat

Sebarang Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi akan dibayar kepada penama yang Anda calonkan atau kepada wakil peribadi sah Anda sekiranya Anda meninggal dunia. Bayaran akan dipindahkan kepada akaun bank penama(-penama) atau e-Dompet Merchantrade penama(-penama) anda.

#### 9. Pertukaran Alamat

Untuk membolehkan Kami memberikan maklumat terkini kepada Anda tentang perubahan maklumat penting atau menghantar kepada Anda notis pembaharuan atau apa-apa hal berkaitan Polisi, Anda diminta memaklumkan kepada Kami alamat surat-menyurat semasa Anda dan juga alamat semasa penama.

#### 10. Penduaan Perlindungan

Anda hanya layak untuk mendapatkan satu Perlindungan di bawah polisi ini dalam mana-mana satu Tempoh Insurans. Sekiranya terdapat dua atau berbilang Perlindungan yang dibeli untuk risiko yang sama, Kami berhak untuk membayar untuk tuntutan di bawah mana-mana satu polisi dan seterusnya membatalkan dan memulangkan kepada Anda premium yang telah dibayar berhubung dengan baki polisi.

#### 11. Tempoh Bertenang

Jika atas apa jua sebab, Pihak Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi, Pihak Diinsuranskan boleh berbuat demikian dengan memaklumkan kepada Kami dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh permulaan Polisi. Kami akan membatalkan Polisi dan baucar Perlindungan Tenang boleh digunapakai untuk pelan Perlindungan Tenang yang lain.

#### 12. Pemberitahuan Tuntutan

Jika terdapat sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan, dokumen berikut mesti diberikan kepada Merchantrade menerusi cawangan atau wakilnya;

- mengemukakan Borang Tuntutan Kematian.
- menyediakan bukti kematian yang boleh diterima bagi Hayat Diinsuranskan dan apa-apa dokumen lain yang kami perlukan.

Tuntutan akan dinilai dan dimaklumkan kepada penerima dalam masa 5 hari kerja. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi Merchantrade:

- E-mel : [MI\\_enquiries@mtradeasia.com](mailto:MI_enquiries@mtradeasia.com)
- Talian Khas : 1300-88-8606 [Isnin hingga Jumaat – 9:00pg hingga 5:30ptg (Kecuali Cuti Umum)]

#### 13. Pembaharuan

Jika Pihak Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun dalam Tempoh Insurans, Polisi ini tidak boleh diperbaharui pada akhir tempoh tersebut.

Polisi boleh diperbaharui selagi premium dibayar. Kami tidak berkewajipan menerima sebarang Premium pembaharuan atau menghantar kepada Anda notis sebarang Premium Pembaharuan yang kena dibayar.

#### 14. Kadar Premium

Jumlah premium tidak dijamin dan Kami berhak untuk menyemak semula premium yang perlu dibayar dengan memberikan notis 30 hari terlebih dahulu.

#### 15. Perubahan Polisi

Tiada perubahan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Kekerapan Pembayaran Premium dibenarkan bagi polisi sedia ada. Polisi baharu perlu dikeluarkan untuk membuat sebarang perubahan dalam Jumlah Asas Diinsuranskan atau Kekerapan Pembayaran Premium.

#### 16. Tempoh Tangguh

Tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari dari tarikh kena bayar akan dibenarkan, dimana Polisi akan kekal berkuatkuasa dalam tempoh ini. Jika sebarang premium masih tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, Polisi akan ditamatkan.

#### Jadual Manfaat/Premium

Jumlah premium yang perlu dibayar tahunan adalah RM50 untuk Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM20,000.

#### Polisi ini melindungi:

<b>Manfaat Kematian Asas</b>	100% Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar, apabila berlaku kematian hayat diinsuranskan atas semua sebab
<b>Manfaat Kematian Tambahan akibat Penyakit Khusus*</b>	Tambahan 100% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan yang perlu dibayar apabila berlaku kematian hayat diinsuranskan disebabkan demam Denggi, demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Influenza Burung atau Virus Zika.